



JABATAN PERDANA MENTERI  
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

## SIARAN MEDIA

---

**MAJLIS *KICK-OFF* PROGRAM MENINGKATKAN  
SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN (*END-TO-END*)  
KE ARAH PENGAMALAN NORMA BAHARU MELIBATKAN  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) DAN  
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)**

**KAJANG, 18 JULAI 2022** – Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah mengadakan Majlis *Kick-Off* Program Meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan (*End-to-End*) ke Arah Pengamalan Norma Baharu (NBPPA) melibatkan JPN dan MPKj bertempat di Menara MPKj, Kajang Selangor (D.E). Majlis pelancaran ini disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara selaku tetamu khas dan mewakili kepimpinan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Agenda utama majlis ini adalah sesi menandatangani piagam projek NBPPA melibatkan MAMPU, JPN dan MPKj yang masing-masing diwakili oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (Ketua Pengarah MAMPU), YBhg. Dato' Ruslin bin Jusoh (Ketua Pengarah JPN) dan YBrs. Tuan Haji Najmuddin bin Jemain (Yang Dipertua MPKj).

Majlis turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri), YB. Dato' Haji Haris bin Kasim (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor), , YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri) , YBrs. Encik Muhammad Razman bin Abu Samah (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YBrs. Ar. Mohamad Nazli bin Ramli (Pengarah Bahagian Perunding Kawalan Kemajuan, Jabatan Kerajaan Tempatan).

Objektif penganjuran Majlis *Kick-Off* ini bagi pelancaran Projek Meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan (*End-to-End*) ke Arah Pengamalan Norma Baharu atau dikenali sebagai Projek NBPPA melibatkan JPN dan MPKj. Ia merupakan kesinambungan kepada projek rintis terdahulu yang melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kedua-dua projek ini merupakan usaha penambahbaikan berterusan untuk perkhidmatan awam dapat diteruskan untuk manfaat rakyat dan komuniti perniagaan secara keseluruhan.

Inisiatif pelaksanaan Projek NBPPA ini merupakan punca kuasa daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 22 April 2020 supaya MAMPU menyelaras dan memantau usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan setiap kementerian dan agensi Kerajaan khususnya dalam era pasca pandemik COVID-19. Salah satu strategi yang dilaksanakan melibatkan penyediaan perkhidmatan dalam talian (*online*) secara Hujung-ke-Hujung atau *End-to-End* (E2E) tanpa rakyat perlu hadir ke premis agensi. Ia bertujuan memastikan urusan berkaitan perkhidmatan kepada rakyat atau *Government-to-Citizen* (G2C) dan komuniti perniagaan atau *Government-to-Business* (G2B) dapat dilaksanakan dengan mudah, cepat dan fleksibel. Sehingga 31 Disember 2021, pencapaian perkhidmatan E2E bagi keseluruhan sektor awam berada pada tahap 68.18%.

Pelaksanaan projek NBPPA tahun 2022 ini (JPN & MPKj) juga bertepatan dengan situasi Negara yang masih lagi mengharungi kesan wabak pandemik COVID-19 dan Fasa Peralihan Endemik yang telah dikuatkuasakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermula 1 April 2022. Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi RMKe-12 iaitu membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan mensasarkan pencapaian seratus peratus (100%) penjawat awam yang celik digital dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah projek NBPPA adalah bertepatan dengan aspirasi 'S.W.I.F.T' yang sering ditekankan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara untuk diterap dan dihayati oleh penjawat awam iaitu penjawat awam mesti memberikan perkhidmatan yang pantas (*speed*), dengan pengetahuan bertaraf dunia (*world class knowledge*), memberi inspirasi (*inspirational*), bersifat fleksibel (*flexible*) dan berasaskan teknologi (*technology-based*).

Adalah diharapkan hasil daripada projek ini akan dapat memudahkan perkhidmatan kepada rakyat (G2C) dan komuniti perniagaan (G2B) melalui *touch point* yang mesra dan berkualiti selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia yang berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

\*\*\*

Disediakan oleh:

**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan**

**Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Jabatan Perdana Menteri**

**03-8872 3138**